



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	: BERITA HARIAN		
TARIKH	: 23/4/2018	MUKA SURAT	: 23
JABATAN	: JPS		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

Fakta nombor

RM490 JUTA

Kos projek Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Kerian (RTB Kerian)

1,621 KILOMETER PERSEGI

Keluasan projek RTB Kerian yang merangkumi Perak, Kedah dan Pulau Pinang

681 KILOMETER PERSEGI

Keluasan RTB Kerian dilaksanakan di Lembangan Sungai Kurau, Perak

(FOTO IHSAN JPS KERIAN)

(FOTO SHAIFUL SHAHRIN AHMAD PAUZI/BH)



Projek RTB Kerian mengurangkan masalah banjir penduduk sekitar daerah Kerian.



Benteng konkrit RTB Lembangan Sungai Kerian dibina di Taman Pinggiran Sungai Kerian.

RTB Kerian selamatkan puluhan ribu penduduk daripada banjir

➔ Projek tebatan selesai masalah bah di utara Perak

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim dan Saiful Shahrin Ahmad Pauzi
cnnews@nstp.com.my

► Bagan Serai

Masalah banjir membeleggu puluhan ribu penduduk di utara Perak dan kawasan bersempadan di Pulau Pinang dan Kedah selesai melalui pembinaan Projek Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Kerian (RTB Kerian).

Projek Kerajaan Persekutuan berharga RM490 juta itu dilaksanakan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di Lembangan Sungai Kerian berkeluasan 1,621 kilometer persegi merangkumi Perak, Kedah dan Pulau Pinang kerana sungai itu berada di sempadan ketiga-tiga negeri terbabit.

Perak menerima peruntukan terbesar iaitu RM340 juta diikuti Kedah dan Pulau Pinang masing-

masing menerima RM80 juta dan RM70 juta. RTB Kerian juga dilaksanakan di Lembangan Sungai Kurau di Perak yang berkeluasan 681 kilometer persegi.

Di Perak, projek itu yang sudah siap sepenuhnya beberapa tahun lalu membantu mengurangkan banyak masalah banjir di dua daerah iaitu Kerian serta Larut, Matang dan Selama (LMS).

Kawasan sempadan iaitu Nibong Tebal (Pulau Pinang) dan Bandar Baharu (Kedah) juga menerima kesan sama melalui pelaksanaan projek sama di kawasan masing-masing.

Kurangkan masalah banjir

Pengarah JPS Perak, Dr Ahmad Anuar Othman, berkata pembinaan ban dengan tahap perlindungan 20 kadar ulangan kejadian (ARI) Sungai Kerian dan Sungai Kurau berjaya mengurangkan banyak masalah banjir yang berpunca daripada limpahan air sungai itu.

Katanya, kerja menaik taraf Kolam Bukit Merah di daerah Kerian yang termasuk dalam pakej RTB juga meningkatkan kapasiti takungan dan sebagai penampan kepada pengurusan banjir.

"Projek RTB Kerian banyak mengurangkan masalah banjir, teru-



Bagi daerah Kerian sahaja masalah banjir dapat dikurangkan lebih 75 peratus daripada yang dialami sebelum pelaksanaan RTB"

Ahmad Anuar Othman,
Pengarah JPS Perak

tama banjir yang berlaku akibat limpahan air sungai utama.

"Bagi daerah Kerian sahaja masalah banjir dapat dikurangkan lebih 75 peratus daripada yang dialami sebelum pelaksanaan RTB," katanya kepada NSTP di sini.

3,500 hektar dilanda banjir

Ahmad Anuar berkata, 30,000 daripada keseluruhan 163,073 penduduk daerah Kerian berdepan masalah banjir, manakala keluasan kawasan yang kerap berlaku banjir adalah 3,500 hektar iaitu 37 peratus daripada keluasan daerah terbabit.

Bagaimanapun beliau berkata, banyak kampung terselamat daripada ancaman banjir yang berpunca daripada limpahan air sungai utama berikutan pelaksanaan RTB.

Katanya, antara kampung berkenaan adalah Changkat Lobak, Matang Tengah, Matang Pasir di Beriah serta kampung lain di kawasan Alor Pongsu seperti Parit Simpang 5, Batu 38, Batu 40, Abu Hassan Ban, Parit Air Hitam, Parit Simpang 4 dan Kampung Perlis.

"Banjir sebelum ini membawa banyak kemusnahan dan kerosakan harta benda, memutuskan jalan perhubungan darat, kereta api dan bekalan elektrik serta air mentah, selain 30 peratus kawasan per-

tanian jelapang padi dan kelapa sawit terjejas," katanya.

Sementara itu, penduduk Kampung Matang Beriah di Alor Pongsu, Radzuan Ahmad, 55, berkata keberkesanan RTB terbukti apabila kejadian banjir semakin berkurangan malah hampir tidak lagi berlaku.

"Ketika awal pembinaannya dulu ada penduduk yang mungkin kurang yakin keberkesannya namun kini jelas terbukti projek RTB itu dapat menyelesaikan isu banjir yang sering menghantui penduduk apabila hujan lebat," katanya sambil mengimbau banjir terburuk pada 2003 yang melumpuhkan mukim Beriah dan Alor Pongsu.

Ketua Kampung Parit Simpang Lima, Abdul Rahim Abdul Wahab, 62, berkata penduduk memuji projek RTB Kerian.

"Dulu apabila tiba sahaja musim hujan pada Disember, penduduk mula bimbang namun apabila pihak kerajaan melaksanakan projek RTB perubahan yang dilihat begitu ketara.

"Di daerah Kerian khususnya Alor Pongsu, sehingga hari ini boleh dikatakan tiada lagi banjir besar berlaku seperti 2003 lalu dan penduduk yang dahulunya bimbang membina rumah bawah (setingkat) kini tidak lagi risau," katanya.